

# DEXCHLORMINE SYRUP

Dexchlorpheniramine Maleate (2 mg/5 ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan DEXCHLORMINE
2. Bagaimana DEXCHLORMINE berfungsi
3. Sebelum menggunakan DEXCHLORMINE
4. Cara menggunakan DEXCHLORMINE
5. Semasa menggunakan DEXCHLORMINE
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan DEXCHLORMINE
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan DEXCHLORMINE

Untuk rawatan

- Rinitis alahan (demam alergi)
- Rinitis Vasomotor (bukan alergik)
- Konjunktivitis alergi (radang selaput mata)
- manifestasi geligata kulit ringan dan tidak rumit dan angioedema (bengkak di bawah kulit)
- Reaksi alergik terhadap plasma atau darah.

## Bagaimana DEXCHLORMINE berfungsi

Dexchlorpheniramine Maleate adalah antihistamin. Ia berfungsi dengan menghalang bahan semulajadi tertentu (histamin) yang dibuat oleh tubuh anda semasa reaksi alergi. Tindakan antimuscarinik memberikan kesan pengeringan pada mukosa hidung.

## Sebelum menggunakan DEXCHLORMINE

- Bila tidak boleh menggunakan
  - Pada bayi yang baru lahir atau pra-matang kerana terdapat kemungkinan untuk tindak balas yang teruk seperti konvulsi.
  - Penggunaan serentak dengan MAOI (*monoamine oxidase inhibitor*).
  - Untuk merawat gejala pada saluran pernafasan.
  - Hipersensitiviti kepada Dexchlorpheniramine maleate atau bahan-bahan lain produk ini.

## Mengandung dan menyusukan anak

Ia tidak boleh digunakan pada kehamilan trimester ketiga. Keselamatan penggunaan ketika hamil tidak dipastikan. Ia tidak diketahui sama ada Dexchlorpheniramine diserap ke dalam susu manusia, oleh itu langkah berjaga-jaga perlu diambil apabila diberikan kepada ibu-ibu yang menyusukan anak.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil apa-apa ubat.

## - Sebelum menggunakan DEXCHLORMINE

Anda perlu menahani diri daripada minuman beralkohol.

## - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Ia boleh meningkatkan kesan sedatif sistem saraf pusat termasuk barbiturates, hipnotik, ubat tahan sakit narkotik, sedatif dan ubat penenang. MAOI (anti-kemurungan) memanjang dan meningkatkan kesan antihistamin. Tindakan *anticoagulant* (mengelakkan darah beku) boleh dihalang oleh antihistamin.

## Cara menggunakan DEXCHLORMINE

### - Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### DEXCHLORMINE SYRUP

Dewasa dan kanak-kanak melebihi 12 tahun:

1 sudu teh (5 ml) setiap 4 - 6 jam.  
Kanak-kanak berumur 6 - 11 tahun:  
½ sudu teh (2.5 ml) setiap 4 - 6 jam.  
Kanak-kanak berumur 2 - 5 tahun:  
¼ sudu teh (1.25 ml) setiap 4 - 6 jam.

### - Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Boleh diambil sebelum atau selepas makan.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan khayalan, keterujaan, sawan atau kematian terutama pada bayi dan kanak-kanak. Individu perlu ditenangkan untuk mengurangkan kesan keterujaan yang berlaku terutamanya pada kanak-kanak.

## Semasa menggunakan DEXCHLORMINE

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan DEXCHLORMINE.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi DEXCHLORMINE kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera  
Ia boleh menyebabkan rasa mengantuk dan mengurangkan tahap kepekaan. Individu yang menjalani rawatan dengan ubat-ubatan ini tidak boleh mengendalikan kenderaan atau jentera.

Ia harus digunakan dengan berhati-hati pada orang yang mempunyai *narrow angle glaucoma* (Tekanan mata meningkat), penyempitan pada bukaan saluran antara perut dan usus kecil, kelenjar prostat yang membesar, penyempitan salur pundi kencing, dan pada individu yang mempunyai sejarah asma, penghasilan hormon tiroid yang berlebihan oleh kelenjar tiroid yang aktif, penyakit jantung dan saluran darah dan darah tinggi. Antihistamin lebih cenderung untuk menyebabkan pening, mengantuk dan tekanan darah rendah dalam orang tua.

**Kesan-kesan sampingan**

Seperti ubat-ubatan lain, DEXCHLORMINE boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Kesan sampingan yang paling biasa adalah rasa mengantuk ringan hingga sederhana. Lain-lain termasuk:

- Am: Geligata, ruam, kejutan anafilaktik (reaksi alergi yang serius), sensitif kepada cahaya, peluh berlebihan, seram sejuk, kekeringan mulut, hidung dan tekak.
- Sistem kardiovaskular: Sakit kepala, debaran jantung, *tachycardia* (kadar denyutan

jantung yang laju), tekanan darah rendah.

- Sistem Saraf: sedatif, pening, rasa berpusing, deringan atau bunyi bising dalam telinga, gangguan koordinasi pergerakan, keletihan, kekeliruan, kegelisahan, keterujaan, gementar, menggeletar, cepat marah, masalah tidur, keghairahan, penglihatan kabur dan sawan.
- Sistem gastrousus: kesakitan pada epigastrik, tiada selera makan, loya, muntah, cirit-birit, sembelit.
- sistem genitourinari: kerap kencing, sukar kencing, tidak dapat kencing, haid awal.
- Sistem pernafasan: pemekatan rembesan saluran pernafasan, sesak dada, semput, hidung tersumbat.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

**Cara penyimpanan dan pelupusan DEXCHLORMINE**

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan di tempat yang kering di bawah 25°C.

Pastikan bekas sentiasa ditutup

Lindungi daripada cahaya

Goncang sebelum digunakan

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna produk DEXCHLORMINE SYRUP

Sirap berwarna kuning dengan perisa pisang.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif  
Dexchlorpheniramine maleate

- Bahan tidak aktif  
DEXCHLORMINE SYRUP  
Gula, Liquid Glucose, Methyl Paraben, Propyl Paraben, Sodium Benzoate, Quinoline Yellow, Perisa Pisang, & Deionised Water.

- Nombor MAL

DEXCHLORMINE SYRUP  
MAL19910823AZ

**Pengilang & Pemegang Pendaftaran**

Dynapharm (M) Sdn. Bhd.  
2497, Mk 1, Lorong Perusahaan Baru 5, Kawasan Perusahaan Perai 3, 13600 Perai, Pulau Pinang, Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

03/7/2017

**Nombor Siri:**

BPFK(R4/1)030717/00164